**Persidangan DUN bermula** MS 2



**Fakta projek Terowong Link Ketiga** MS 14 & 15



PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




16 – 31 MEI, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# ASINGKAN SISA ANDA

Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Mulai 1 Jun 2016

**ASINGKAN SEKURANG-KURANGNYA KEPADA DUA ALIRAN:**



## 1. SISA KITAR SEMULA

**KERTAS**
CONTOH:
surat khabar / kotak / majalah / kadbod / buku

**PLASTIK**
CONTOH:
botol plastik / bekas plastik / beg plastik / bekas makanan plastik / baldi plastik

**KACA**
CONTOH:
botol kicap / botol minuman

**TIN ALUMINIUM /BESI/LOGAM**
CONTOH:
tin aluminium / tin makanan / besi / logam



## 2. SISA BAKI (SAMPAH)

**SISA MAKANAN**
CONTOH:
kulit buah-buahan / sayur-sayuran / kulit telur / nasi

**SISA KOTOR**
CONTOH:
lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar




## INFO

- SILA IKAT SURAT KHABAR LAMA dengan kemas.
- BERSIH DAN KERINGKAN bekas minuman, bekas plastik, bekas kaca, atau tin aluminium yang mengandungi sisa.
- Pembungkus makanan atau minuman yang mengandungi LOGO ♻ dapat dikitar semula.
- Anda juga boleh menghantar barangan elektrik yang telah rosak ke pusat kitar semula yang MENGUMPUL SISA ELEKTRONIK.

*Jadual Kutipan Sisa Kitar Semula* * Setiap hari Sabtu bagi Taman Perumahan Bertanah.
*Premis berstrata ditentukan oleh JMB/pengurusan masing-masing.*

HOTLINE: MBPP : 04-263 7637 / MPSP : 04-549 7555 / Penang Green Council : 04-250 3322

*Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.pgc.com.my/dasar-pengasingan-sisa-di-punca*

***Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.***

# TYT lahir rasa bangga ekonomi negeri kian kukuh

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas melahirkan rasa bangga dengan pencapaian tadbir urus kewangan Kerajaan Negeri hari ini, yang dikatakan mendahului negeri-negeri lain.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada upacara pembukaan Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13, 10 Mei lalu.

"Saya berbangga dengan pencapaian yang memberangsangkan sebagaimana dimaklumkan semasa *exit conference* Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan Laporan Ketua Audit Negara," katanya dalam dewan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Dalam ucapan selama kira-kira 45 minit itu, Abdul Rahman turut memuji Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana mengekalkan pencapaian sebagai negeri pertama yang mengemukakan penyata kewangan selama lapan tahun berturut-turut.

Beliau turut menyentuh mengenai rekod kewangan Kerajaan Negeri yang kukuh sehingga membolehkan pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah (kos) sederhana rendah dan rumah kampung.

"Di mana cukai (pintu) yang dipungut oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menanggung kos sebanyak RM12.5 juta.

"Tambahan pula, Kerajaan Negeri mengarahkan MBPP dan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) untuk membayar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi pihak rakyat yang menelan belanja RM20 juta lagi," ujarnya.

Tambah beliau, kekukuhan tadbir urus kewangan Kerajaan Negeri antaranya dilihat pada jumlah hutang terkumpul Kerajaan Negeri sebanyak RM69.47 juta pada akhir tahun kewangan 2015 adalah paling rendah, berbanding RM16.8 bilion jumlah keseluruhan hutang negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Abdul Rahman dalam pada itu turut memuji keupayaan Kerajaan Negeri hari ini kerana mengelak untuk memohon pinjaman dana daripada Kerajaan Persekutuan, sekaligus membuktikan kejayaan formula tadbir urus kewangan negeri berasaskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus atau CAT.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memuji langkah proaktif Kerajaan Negeri memastikan tiada langkah catuan bekalan air sepanjang musim 'Super El Nino', kini.

Sebelum berucap pada awal pagi hari tersebut, Abdul Rahman ditemani isteri, Toh Puan Majimor Shariff berkenan memeriksa kawalan kehormat Unit 3 Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU), yang diketuai Deputi Supritendan Mohd. Faizol Che Romly sambil diiringi kumpulan Pancaragam Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Negeri Kedah.

Manakala di khemah utama, kelihatan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama-sama isteri, Betty Chew Gek Cheng.

Ketibaan Abdul Rahman di khemah utama turut disambut oleh Yang di-Pertua DUN Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri, Datin Seri Hamidah Mat Daud.

Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ketiga Belas berlangsung selama lima hari iaitu bermula pada 13 Mei dan bersambung semula 16 -19 Mei 2016.



**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) berkenan memeriksa kawalan kehormat pada Majlis Perasmian Penggal Keempat DUN Ketiga Belas di sini baru-baru ini.**




**GAMBAR semua ADUN bersama-sama TYT, Yang di-Pertua DUN dan Ketua Menteri di hadapan Bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.**



**KUMPULAN Pancaragam PDRM Kontinjen Negeri Kedah yang mengadakan persembahan.**



**SUASANA dalam Dewan Persidangan.**



**BARISAN Pengawal Keselamatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**

# Akhirnya Pusat terima syor P. Pinang tangani krisis air, 'Super El Nino' sehingga Jun

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**JAWI –** Kerajaan Persekutuan akhirnya menerima langkah-langkah pencegahan dicadangkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) demi menangani krisis bekalan air serta kemarau berpanjangan di negeri ini, Kedah, Perlis dan utara Perak.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada 26 April lalu telahpun mengadakan mesyuarat di Putrajaya, yang membabitkan agensi-agensi kerajaan berwajib.

Selain PBAPP, katanya, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK), Syarikat Air Perlis (SAP), Lembaga Air Perak (LAP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) masing-masing turut menghantar wakil pada mesyuarat itu.

"Seperti yang kita fahami, mesyuarat itu bersetuju untuk menerima pakai semua cadangan Pulau Pinang untuk memastikan bekalan air yang mencukupi di bahagian utara sehingga akhir musim 'Super El Nino' pada Jun 2016," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Kolam Air R3 dekat Kolam Air PBAPP Jawi di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian itu disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Lembaga Pengarah PBAPP.

"Kita masih belum lagi keluar dari zon bahaya. Hanya hujan lebat yang konsisten mampu menambah simpanan air di semua empangan di Pulau Pinang, wilayah utara dan di seluruh negara.

"Operasi pembenihan awan secara meluas perlu terus dilakukan tanpa henti untuk mencetuskan hujan lebat di kawasan tadahan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak.

"Kita (Pulau Pinang) tidak mahu apa yang berlaku di Empangan Bukit Merah (dekat Perak), salah satu daripada empangan tertua di negara ini, berlaku di Pulau Pinang," ujar Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Pada 14 dan 15 April lalu, Jaseni bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah proaktif, memandangkan krisis bekalan air berkaitan bakal mengancam kira-kira 4 juta penduduk di keempat-empat negeri di utara Semenanjung Malaysia.

Jaseni sendiri sebelum ini telah mengutus enam surat rasmi kepada badan persekutuan. Malah, Guan Eng pada 21 April lalu juga menulis surat kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi,



**KOLAM Air R3 dekat Kolam Air PBAPP Jawi yang dirasmikan di sini baru-baru ini.**

yang juga Pengerusi Majlis Sumber Air Negara (MSAN) bagi memohon campur tangan beliau berhubung krisis kekurangan air membabitkan empat buah negeri.

Dalam surat itu, Jaseni menggesa empat langkah proaktif, iaitu penangguhan pengairan padi, pelaksanaan pelan pembenihan awan secara besar-besaran, mengurangkan pelepasan air demi memanjangkan tempoh tahan simpanan air dan menggalakkan orang ramai mengguna air secara berhemah.

"Dalam mesyuarat KeTTHA pada 26 April 2016 itu, (Kerajaan Negeri) Kedah telah bersetuju menangguhkan pengairan dalam sistem Sungai Muda.

"Tanpa pengairan, Empangan Muda dan Empangan Beris kurang melepaskan air dan simpanannya akan bertahan lebih lama.

"Pembenihan awan giat dijalankan dan kita mendapat lebih banyak hujan sejak beberapa minggu lalu. Orang ramai kini sedar tentang kepentingan jimat air," ujar beliau.

# P. Pinang tiada empangan boleh lepas air, respons PBAPP

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak pernah melepaskan air mentah ke Sungai Muda atau laut, sebagaimana didakwa oleh sekumpulan pesawah di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pada 7 April lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, di Pulau Pinang ini sendiri sebenarnya tiada empangan yang direka bentuk untuk melepaskan air ke Sungai Muda, sungguhpun terdapat Skim Air Ampang Jajar Sungai Muda (SMWSB) untuk pepasangan air mentah di Rantau Panjang.

"Terdapat limpahan air di Ampang Jajar ini kerana ia (SMWSB) tidak direka untuk menghentikan sepenuhnya atau menghalang aliran air dari Sungai Muda ke Selat Melaka.

"Limpahan air di Ampang Jajar, disebabkan oleh paras sungai yang tinggi, mungkin berpunca dari hujan yang lebih di sekitar kawasan tadahan air (lembangan) Muda.

"(Satu lagi kemungkinan adalah) pelepasan air dari dua empangan yang direka bentuk untuk melepaskan air ke dalam Sungai Muda (iaitu) Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah.

"PBAPP tidak mengawal pelepasan air dari Empangan Beris dan Empangan Muda di (bawah Kerajaan Negeri) Kedah, dan, kita (PBAPP) tidak boleh mengawal jumlah hujan di kawasan tadahan," katanya pada sidang media bertarikh 9 April lalu di sini.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, struktur SMWSB yang dibina pada tahun 1973 demi mengelak kemasinan air laut dari Selat Melaka ke kawasan abstraksi air di sepanjang Sungai Muda sehingga kini masih berfungsi dengan baik.

"Ketinggiannya adalah tetap dan tidak boleh dinaikkan atau diselaraskan, ia tidak boleh dimanipulasi dalam apa-apa cara untuk mengurangkan jumlah limpahan," jelasnya sambil memberitahu bahawa fakta tersebut dapat disahkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sendiri.

Justeru, Jaseni sekali lagi memberitahu bahawa cara yang lebih selamat untuk mengurangkan limpahan tersebut adalah dengan mengurangkan pelepasan air dari Empangan Beris dan Empangan Muda di negeri Kedah.

"Apabila kita (Kerajaan Pulau Pinang) syorkan tidak dibuat




**IR. Jaseni Maidinsa memberi penjelasan menyeluruh mengenai aliran air mentah ke Pulau Pinang serta isu limpahan air sungai yang dibangkitkan oleh sekumpulan pesawah dekat SPU pada sidang media di sini baru-baru ini.**

pengairan, PBAPP menyatakan bahawa bekalan air mentah adalah lebih penting daripada penanaman padi.

"Contohnya, kalau tidak buat pengairan, hanya tidak ada beras, tapi kalau tidak ada bekalan air, semua benda (keperluan asasi rakyat) akan tiada.

"Langkah (mengurangkan pelepasan air dari Kedah) ini akan mengelakkan pembaziran air dan akan membantu mengekalkan paras empangan ini untuk seberapa lama yang boleh,"ujar beliau.

# Guan Eng, Tun M kongsi pentas 'promosi' Deklarasi Rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Pasti sesetengah pihak berasa janggal apabila Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (Tun M) berkongsi pentas bersama-sama pemimpin Pakatan Harapan (PH) mempromosikan Deklarasi Rakyat.

Namun, menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, berlandaskan matlamat yang sama, tiada yang mustahil.

"Ini merupakan satu keperluan untuk mengenepikan perbezaan demi kebaikan yang lebih hebat, apatah lagi apabila negara kita kini berada dalam krisis moral, politik dan ekonomi.

"Saya tahu, ramai yang masih ragu-ragu dan memandang sinis terhadap Deklarasi Rakyat kerana mereka ingin tahu langkah seterusnya selepas 'menewaskan' Najib (Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Abdul Razak).

"Di sinilah peranan Tun M memberikan sedikit penjelasan dan jawapan, lagipun, tidak ada Perdana Menteri dalam sejarah, termasuk Tun M sendiri akan membiarkan negara 'menjunam' ke dalam jurang yang dalam.

"Kalau bukan kita, siapa lagi? Kalau bukan sekarang, bila lagi?," ujarnya ketika mengakhiri ucapan pembukaan pada Forum Quo Vadis Malaysia? (Ke manakah Hala Tuju Malaysia?) di Pusat Konvensyen Straits Quay pada 8 Mei lalu.

Hadir sama, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali (isteri Tun M), Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute, Zairil Khir Johari; Ahli Parlimen Bukit Mertajam merangkap Ahli Lembaga Pengarah Penang Institute, Steven Sim Chee Keong dan beberapa kenamaan lain.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut hadir sebagai moderator forum.

Tun M ketika menyampaikan ucaptama menyentuh beberapa isu antaranya, skandal RM50 bilion 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan pelaksanaan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan).

Dalam pada itu, beliau turut mengakui kepentingan mempunyai parti pembangkang di Malaysia dalam memastikan kerajaan yang memerintah sentiasa *'checks and balances'* (semak dan imbang).

"Tidak kira sama ada kerajaan memerintah mahupun pembangkang mempunyai matlamat yang sama, iaitu memastikan mereka memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Namun, perbezaan yang wujud antara kerajaan memerintah dan pembangkang menjadi cerminan, jika tidak ada pembangkang, kita tidak tahu betapa 'hodoh'nya cara pemerintahan kita.

"Samalah ketika saya jadi perdana menteri dahulu, saya tidak disukai oleh orang kuat pembangkang seperti Lim Kit Siang dan anaknya Lim Guan Eng, saya dengar apa mereka kata, tapi kadang-kadang saya tulikan telinga.

"Tetapi, jika apa yang mereka katakan itu baik, saya akan memplagiatnya dan menjadikannya 'milik' saya," katanya berseloroh sambil disambut dengan tepukan gemuruh dan gelak ketawa.

Tambah Tun M, pada dasarnya, sistem demokrasi memberi hak kepada rakyat untuk memilih pemimpin sendiri dan jika tidak disukai, rakyat boleh menggulingkan pemimpin tersebut.

"Oleh itu, sama-samalah kita menandatangani Deklarasi Rakyat dan tunjukkan sokongan demi menyelamatkan negara tercinta," ujar beliau.

Kira-kira 1,500 peserta menyertai forum yang julung kali dianjurkan oleh badan pemikir Kerajaan Negeri, *Penang Institute* berkenaan.



(Dari kanan), DR. Afif Bahardin, Zairil Khir Johari, Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Dr. Mahathir Mohamad, Ketua Menteri dan Steven Sim Chee Keong bergambar kenangan pada penganjuran Forum Quo Vadis Malaysia? (Ke manakah Hala Tuju Malaysia?) di sini baru-baru ini.

# 534 CCTV di bahagian pulau hujung 2016

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Selaras dengan usaha merealisasikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, sebanyak 534 kamera litar tertutup (CCTV) di bahagian pulau Pulau Pinang menjelang hujung tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM38.3 juta.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini dalam proses pemasangan 216 CCTV tambahan yang dijangka siap pada Ogos ini.

"Setakat ini, MBPP mempunyai 286 buah CCTV yang kini beroperasi di bahagian pulau.

"Dengan penambahan 216 CCTV yang dirancang ini, ia akan menjadikan jumlah keseluruhan CCTV yang bakal beroperasi menjelang hujung tahun ini adalah sebanyak 534 buah.

"Jumlah ini, termasuk 32 buah CCTV yang dipasang oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak Jun tahun lalu (2015)," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke Bilik Kawalan CCTV MBPP yang baru bersama pihak media di Tingkat 4, Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Ang Aing Thye, Ir. A. Rajendran (Timbalan Pengarah Kejuruteraan MBPP) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Tambah Kon Yeow, bagi menampung pertambahan bilangan CCTV saban tahun, sebuah bilik kawalan CCTV baharu dengan keluasan 9.329 kaki persegi telah dinaiktaraf dan dijangka mampu menampung sebarang pertambahan dalam tempoh sekurang-kurangnya lima tahun akan datang.

"Bagi mewujudkan kesejahteraan bandar, Pulau Pinang memerlukan di antara 10,000 hingga 20,000 CCTV.

"Namun, ini memerlukan perancangan teratur jangka masa panjang," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, selain melakukan pemantauan, CCTV juga membolehkan pihak Majlis melakukan pemeriksaan lampu jalan, aktiviti pembuangan sampah haram dan aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan di kawasan berbukit.

"Ia (CCTV) turut dilengkapkan dengan pembesar suara yang mana pengumuman kecemasan boleh dibuat dari pusat kawalan termasuk bagi menasihati pemandu agar mengalihkan kenderaan masing-masing yang menganggu atau menghalang lalulintas.

"Selain itu, bagi membolehkan orang awam melaporkan sesuatu kejadian di tapak serta memerlukan tindakan segera oleh pihak polis, Majlis turut mewujudkan *Interactive Kiosk* di empat lokasi utama iaitu hadapan Pasaraya Gama, berdekatan Plaza Gurney, *Upper Penang Road* dan Persimpangan Jalan Penang/ Lebuh Chulia," katanya.

Untuk tempoh Januari hingga Mac 2016, sebanyak 4, 242 kesalahan lalulintas telah direkodkan melalui pemantauan CCTV. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 58 kesalahan telah diambil tindakan tunda dan kunci roda.



CHOW Kon Yeow (berdiri, tiga dari kiri), Ir. Ang Aing Thye (berdiri, lima dari kiri), Ir. A. Rajendran (kiri sekali) bersama-sama Ahli-ahli Majlis MBPP memerhatikan operasi Bilik Kawalan CCTV MBPP di sini baru-baru ini.



BILIK Kawalan CCTV MBPP baharu yang kini beroperasi.

# ADUN Seri Delima bebas tuduhan menghasut

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer yang melafazkan satu kenyataan terhadap UMNO pada musim kempen Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gelugor tiga tahun lalu dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini baru-baru ini.

Hakim Roslan Hamid membuat ketetapan itu selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan ada kes *prima facie* ke atas tertuduh, pada akhir perbicaraan 29 April.

Roslan dalam penghakiman bertulis berkata, lafaz tertuduh tidak membuktikan kecenderungan untuk menghasut.

"UMNO bukanlah satu kaum, tetapi merupakan sebuah pertubuhan parti politik (dan) dengan ini mahkamah memutuskan pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie dalam kes di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948," kata hakim.

Roslan turut melepaskan dan membebaskan Rayer daripada pertuduhan pilihan yang dihadapinya di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan kerana pihak pendakwaan turut gagal buktikan elemen menghasut yang dibuat oleh tertuduh.

Pada 27 Ogos 2014, Rayer yang juga peguam mengaku tidak bersalah atas pertuduhan mengeluarkan kata-kata menghasut pada ceramahnya di taman permainan kanak-kanak dekat Jalan Delima Island Glades, Jelutong sekitar jam 10 malam, 22 Mei 2014.

Rayer didakwa menurut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama, jika sabit bersalah.

Tertuduh turut didakwa atas pertuduhan pilihan iaitu mengaibkan serta membangkitkan kemarahan anggota UMNO susulan melafazkan kata-kata menghasut itu, yang boleh mengakibatkan perpecahan ketenteraman awam, di tempat dan masa serta tarikh yang sama.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 504 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen sama, yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pasukan pembelaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Lim Cheah Yit, manakala sekumpulan peguam bela kepada Rayer diketuai oleh Gobind Singh Deo, yang juga Ahli Parlimen Puchong.




**(Barisan depan, dari kiri), RAMKARPAL Singh, Gobind Singh Deo, R.S.N Rayer dan Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) di pekarangan pintu masuk mahkamah, selepas mendengar ketetapan Hakim Roslan Hamid di sini baru-baru ini.**

# Jauhi pemikiran ekstrem ISIS, nasihat KM

**GEORGE TOWN –** Rakyat di negara ini dinasihat supaya menjauhi pemikiran Kumpulan Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS) serta Donald Trump, iaitu pendahulu calon Presiden Amerika Syarikat (AS) bagi Parti Republikan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi nasihat itu semasa berucap pada Majlis Taklimat Khas Mengenai Teroris ISIS Peringkat Negeri anjuran bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Sungguhpun kita tahu propaganda ISIS ini berdasarkan fitnah dan tohmahan, tetapi ia begitu liar, ekstremis dan melampau, akhirnya dapat menarik minat dalam kalangan mereka yang sesat (serta mereka) tidak berpuas hati dalam mencari makna hidup.

"Pendapat ekstrem dan melampau ini juga datang dari Amerika Syarikat, contohnya Donald Trump kerana dia menggunakan taktik yang sama seperti ISIS (dengan) membuat ucapan bersifat fitnah dan tohmahan melampau, ekstremis dan begitu liar sekali.

"Salah satu jalan keluar adalah masyarakat perlu berpegang kepada kesederhanaan atau disebut sebagai wasatiah, menolak pandangan-pandangan ekstrem," katanya pada pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata, beliau percaya anasir keganasan yang dipopularkan oleh ISIS sebenarnya bukanlah dari ajaran Islam yang sebenar.

Pada majlis sama, Penolong Pengarah Bahagian Counter Terorism PDRM Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay menyampaikan taklimat khas mengenai anasir ISIS yang berkembang di peringkat dunia serta di tanah air ini.

Beliau memberitahu, rakyat Malaysia termasuk beberapa suspek dari Pulau Pinang yang ditangkap rata-rata terjebak dalam anasir tersebut melalui media sosial seperti *Facebook, Twitter* dan *Youtube*.

Tambahnya, suspek-suspek yang menyertai ISIS di tanah air ini meliputi lelaki, wanita, remaja dan kanak-kanak yang rata-rata mengikut aliran mazhab "Salafi Jihadis".

Justeru, tegas Ayob Khan, PDRM tidak pernah berkompromi dengan mana-mana pihak serta akan menangkap sesiapa sahaja yang disyaki demi mencegah rancangan ISIS di tanah air ini.

# "Kami beri kerjasama penuh kepada SPRM" – Rayer

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selesai merekodkan keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang pada 7 Mei lalu, berhubung isu pembelian rumah di Jalan Pinhorn yang dikaitkan dengan isu penjualan tanah di Taman Manggis.

Menurut peguam yang mewakili beliau, R.S.N. Rayer berkata, buat masa ini proses memberi keterangan selesai.

Walau bagaimanapun, pihaknya bersedia dipanggil semula sekiranya SPRM masih memerlukan keterangan lanjut Ahli Parlimen Bagan itu bagi membantu siasatan kes.

"Buat masa ini, tidak ada apa-apa makluman lagi, tetapi saya difahamkan oleh Pegawai SPRM, kalau diperlukan, mereka akan memaklumkannya dan mungkin ada lagi satu sesi," katanya ketika ditemui di luar bangunan Pejabat SPRM di sini baru-baru ini.

Rayer memaklumkan bahawa proses mengambil keterangan selama dua hari bermula 6 Mei lalu, berjalan lancar.

"Kami memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM, tidak ada sebarang masalah selama dua hari ini," jelas beliau.

Terdahulu, Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng hadir ke Pejabat SPRM Pulau Pinang yang terletak di Jalan Sultan Ahmad Shah bagi merakamkan keterangan sekitar pukul 9.35 pagi, 6 Mei lalu sambil diiringi Rayer dan Gobind Singh Deo (yang juga Ahli Parlimen Puchong).

Manakala, isteri beliau diwakili oleh Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor).

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta Api), Lim Hock Seng.

Gobind dalam pada itu turut disoal sama ada tindakan akan dikenakan terhadap Guan Eng.

"Tidak, ini merupakan peringkat siasatan, sama ada tindakan seterusnya akan diambil atau tidak, itu adalah di luar pengetahuan saya.

"Dan saya rasa itu adalah keputusan yang akan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara setelah siasatan dilengkapkan (nanti)," ujarnya.

# TDP bakal dirasmi 16 Julai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



***GRAVITY Drop* setinggi 30 kaki.**

**GEORGE TOWN –** Pusat sains dan penemuan dikenali *Tech-Dome Penang* (TDP) yang akan menjadi ikon unggul bagi Kompleks Tunku Abdul Razak (Komtar) bakal dirasmikan pada 16 Julai ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek yang menelan kos sebanyak RM28 juta itu adalah inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyemarakkan semula minat generasi muda di Malaysia amnya, terhadap sains dan teknologi.

Jelas beliau, TDP adalah sebuah projek teraju bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat untuk modal insan berkemahiran tinggi terutama di Pulau Pinang dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi di samping menyekat kemerosotan minat, pengetahuan dan persaingan dalam bidang-bidang berkenaan.

"Ini adalah penting, bagi Malaysia amnya dan Pulau Pinang terutamanya, kerana kita bergantung kepada pekerja mahir terlatih untuk menarik pelaburan dan memperkasa asas teknologi sedia ada pada masa hadapan, bersesuaian dengan moto TDP iaitu *'Inspiring the Future'*," katanya ketika ditemui pada pratonton TDP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai serta beberapa wakil penggerak TDP.

Hampir 40 peratus siap, TDP terletak di Bangunan Dome Geodesic, Komtar dan mempunyai keluasan tapak sehingga 40,000 kaki persegi.

Ia dilengkapi dengan lebih 120 pameran interaktif sains dan teknologi yang menyeronokkan untuk semua peringkat usia.

"Tarikan utama pastinya di balai cerapan yang dilengkapi dengan teleskop terbesar di Pulau Pinang dan ruangan pendidikan khas STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) yang memberi tumpuan terhadap pembelajaran melalui pengalaman di samping pameran-pameran lain seperti *Gravity Drop, Pulley Seats, Clip 'n Climb* dan sebagainya," ujarnya.

Maklumat lanjut, sila layari laman sesawang TDP di *www.techdomepenang.org/* atau *Facebook Page* di *www.facebook.com/techdomepenang* atau emel ke *info@techdomepenang.org*.



**CHOW Kon Yeow mencuba *'Pulley Seats'* yang merupakan salah satu tarikan di TDP.**


# TAMAN LEMBAH PERMAI

MUKIM 10 , DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH
PULAU PINANG



5% Diskaun untuk Bumiputera
Hakmilik Kekal

**Kedai Pejabat 3 Tingkat**
Jumlah Unit: 2
Harga Jualan : RM 1,300,000.00 (min)
RM 2,200,000.00 (mak)
Keluasan Tanah : 1617 kp (min) 1776 kp (mak)
Keluasan Binaan : 4851 kp (min) 5328 kp (mak)

**Kedai Pejabat 2 Tingkat**
Jumlah Unit: 9
Harga Jualan : RM 988,000.00 (min)
RM 988,000.00 (mak)
Keluasan Tanah : 1320 kp (min) 1320 kp (mak)
Keluasan Binaan : 2640 kp (min) 2640 kp (mak)

Pemaju:
**WELCOME DEVELOPMENT SDN. BHD.** (Co No. 682041-H)
Lot 10131, Jalan Lembah Permai 4, Taman Lembah Permai, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Tel: 04-5062813 Faks: 04-5062183

Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan:
Majlis Perbandaran Seberang Prai
Tarikh Dijangka Siap: Sept 2016
Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
No Kelulusan Plan: MPSP / 40 / 20 - 40 / 34

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Paras 20, KOMTAR , 10503 Pulau Pinang***
*Tel: **04-6505 242/6505 244** • Fax: **04-2622 904***

# Fitnah di *Facebook*, FAP buat aduan polis

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATUK KERAMAT –** Satu laporan polis dibuat di sini baru-baru ini membabitkan beberapa pemimpin Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) yang difitnah menerusi laman sosial *Facebook*, kononnya menyalahgunakan kuasa masing-masing.

Ahli Majlis FAP, L. Katherisan berkata, persatuan sedang mempertimbangkan sama ada untuk mengfailkan saman kepada dalang fitnah berkaitan.

"Kita sedih dengan apa yang terjadi dan kini laporan (polis) sudah dibuat, jadi kita berharap perkara ini pihak polis akan siasat.

"FAP juga tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan mahkamah kepada pelaku yang menggunakan akaun *Facebook* yang telah dikenalpasti," katanya pada sidang media di pejabat FAP, Jalan Sepoy Lines di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis FAP, Goh Choon Keong.

Menurut Katherisan, Timbalan Presiden FAP II, Laurence Loh, Datuk Gary Nair (Naib Presiden), Datuk Mohd. Junid Mohd. Noor (Setiausaha Kehormat) dan Pengurus Pasukan, Azizudin Mohd. Shariff masing-masing turut dicaci oleh dalang fitnah terbabit.

Choon Keong dalam pada itu menyanggah fitnah dalang berkenaan, kononnya mutu persembahan pemain FAP mulai jatuh pada tahun 2009 disebabkan Mohd. Junid.

"Pada tahun 2009, Mohd. Junid tiada dalam pengurusan FAP... ini merupakan satu lagi tohmahan tidak berasas," ujarnya.

Pada sidang media sama, mereka berdua turut memberi penjelasan mengenai status pemain import yang dikhabarkan akan digugurkan dari pasukan utama FAP.



**L. Katherisan (tengah) memegang salinan laporan polis sambil ditemani Goh Choon Keong (kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

vilaris
COURTYARD HOMES
@ The Sanctuary, Batu Uban, Penang Island

*FREEHOLD Courtyard Homes on Penang Island / Phase 1 Sold Out*
Limited Bumi Units Available
*A Modern Interpretation of Penang's Peranakan Charm Blending with Contemporary Luxury*



*Low Density, Only 56 units Over 5 Acres*
*Landed, Gated & Guarded*
*Car Porch Space for 4 Vehicles*
*Located in Batu Uban, Strategically in Between 2 Penang Bridges*
*5% Bumiputera Discount*

Developer:
B.U. DEVELOPMENTS SDN BHD 353422-H
*a member of Runnymede Group of Companies*
554, Jalan Sultan Azlan Shah, 11700 Gelugor, Penang
F: +604 657 8811 E: enquiry@vilaris.com.my

*For a private tour of showhouse, kindly call*
04 659 8899
019 415 5881 / 019 457 6063
www.vilaris.com.my

Exclusively Sculpted By
RUNNYMEDE
Group of Companies
www.runnymede.com.my

Developer's License No.: 7025-4/01-2016/01369(L) ▪ Advertising & Sale Permit No.: 7025-4/01-2016/01369(P) ▪ Validity Period: 22/01/2015 - 21/01/2016 ▪ Approving Authority: Majlis Perbandaran Pulau Pinang Building Plan Reference No.: MPPP/OSC/PB(4630)/12(LB) ▪ Name of Housing Development: Vilaris ▪ Total No. of Units: 56 units ▪ Expected Completion Date: January 2016 ▪ Type/Description of Property: 3 Storey Terrace House ▪ Land Tenure: Freehold ▪ Land Encumbrances: Malayan Banking Berhad ▪ Authority Approved Selling Price: RM1,688,000.00 (min.) RM4,245,000.00(max.) ▪ Bumiputera Discount: 5%

All information contained herein (including specifications, plan measurements and illustrations) are subject to amendments, variations and modifications without notification as may be required by the relevant authorities or developer's consultants and is not intended to form and cannot form part of an offer and contract. Whilst every reasonable care has been taken in preparing this information, the developer cannot be held liable for any variation or inaccuracy.

# ZPP agih RM82,000 geran zakat biayai kos perubatan ringan asnaf

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) menyerahkan agihan zakat sejumlah RM82,000 kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan di kelima-lima hospital di negeri ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man dalam ucapannya berharap dana itu dapat digunakan untuk pembiayaan kos perubatan ringan para pesakit dalam kalangan asnaf.

"Sebelum ini, pihak hospital seluruh Pulau Pinang selalu menghubungi para pegawai ZPP sekiranya ada urusan yang melibatkan bantuan perubatan ringan (seperti) pesakit tidak mampu membayar bil-bil tertentu.

"Dengan sedikit geran sumbangan ZPP ini, sedikit sebanyak dapat menambah sumber kekangan hospital-hospital di Pulau Pinang untuk tujuan kebajikan berkenaan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada Majlis Sumbangan Bantuan Zakat Kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar ZPP, Azman Abdul Somat.

Menurut Mohd. Salleh, geran agihan zakat mengikut pecahan adalah sebanyak RM45,000 kepada Hospital Pulau Pinang (HPP), Hospital Seberang Jaya (RM20,000), Hospital Kepala Batas serta Hospital Bukit Mertajam (masing-masing RM6,000) dan Hospital Sungai Bakap (RM5,000).

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, pada tahun ini, direkodkan seramai 382 penerima sumbangan bantuan perubatan ringan melalui sumber ZPP yang berjumlah RM921,437.93.

"Manakala, 16 pesakit lain menerima bantuan perubatan secara tuntutan bulanan, berjumlah RM7,671.

"Itu tidak termasuk 104 penerima tajaan bantuan perubatan sakit buah pinggang di pusat dialisis bukan kerajaan," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Salleh sekali lagi merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya menyegerakan proses kelulusan permohonan ZPP untuk membuka beberapa pusat dialisisnya sendiri.

"ZPP dalam perancangan untuk menubuhkan Pusat Rehabilitasi Zakat yang dijangka beroperasi pada penghujung tahun 2016 atau pada tahun 2017, sekiranya mendapatkan kelulusan penubuhannya daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya (Ahli Parlimen Balik Pulau) yang turut hadir, dalam ucapannya menyatakan komitmen untuk mempercepat hasrat ZPP yang disuarakan oleh Mohd. Salleh itu.




**MOHD. Salleh Man (dua dari kiri) menyampaikan cek replika RM20,000 geran sumbangan zakat kepada wakil pemegang amanah Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Seberang Jaya pada Majlis Sumbangan Bantuan Zakat Kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



# ZPP anjur seminar halal, sasar ganda pungut zakat perniagaan

**BERTAM** – Lebih 250 usahawan dan peniaga dari Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP) menyertai Seminar Transformasi Halal 2016 baru-baru ini.

Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang (ZPP), Azman Abdul Somat berkata, penganjuran seminar itu diharap dapat meningkatkan amalan integriti dalam kalangan kumpulan sasaran, selain menggandakan jumlah pungutan zakat perniagaan melalui agensi Kerajaan Negeri tersebut.

"Halal dan produk patuh syariah itu bukan sekadar produk makanan sahaja...dengan tema Memperkasa Keusahawanan Halal.

"Kita perlu mengoptimumkan peluang-peluang yang ada dalam industri halal ini di peringkat global, yang memerlukan pemahaman cukup teliti dan amalan integriti (iaitu) patuh syariah," katanya pada Majlis Perasmian Seminar Transformasi Halal 2016 di sini baru-baru ini.



SALAH seorang wakil badan berkanun menunjukkan sijil penyertaan yang diterimanya.



AZMAN Abdul Somat (dua dari kanan) saling berinteraksi dengan beberapa peserta Seminar Transformasi Halal 2016 di sini baru-baru ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada JAIPP dan Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ) kerana turut saling kerjasama dalam penganjuran seminar tersebut.

Penolong Pengurus Besar ZPP, Mohamad Fuad Md. Isa membentangkan kerta kerja Zakat: Faedah & Keberkesanannya Dalam Keberkatan Bisnes Halal, manakala Pegawai Teknologi Makanan JAIPP, Ustazah Norhasni Othman membentangkan proposal Keperluan Halal: Prosedur, Standard dan Pematuhan.










**SUKACITA** dimaklumkan bahawa Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP sedang melaksanakan Kaji Selidik Keberkesanan Sistem Pengangkutan Awam di Pulau Pinang.

Kaji selidik ini diadakan bagi mendapatkan reaksi serta maklum balas daripada seluruh rakyat Pulau Pinang berkaitan sistem pengangkutan awam sedia ada.

Sebagai makluman, kaji selidik ini terbuka kepada seluruh rakyat Pulau Pinang bermula sekarang sehingga 27 Mei 2016.

Sehubungan dengan itu, Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dijemput untuk menyertai kaji selidik ini melalui URL ***https://www.surveymonkey.com/r/pengangkutanawam*** atau terus ke Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ***https://www.penang.gov.my.***

# Sumbang RM90,000 demi semarak bola keranjang sebagai sukan komuniti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN JERMAL** – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menyumbang RM90,000 demi menjayakan penganjuran Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC 2016.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng, sumbangan itu diharap dapat menyemarak lagi sukan bola keranjang ke peringkat komuniti.

"Untuk memperkembangkan sukan komuniti, Kerajaan Negeri dan PYDC telah mengagihkan peruntukan sebanyak RM90,000 bagi penganjuran Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC ini di kelima-lima daerah.

"PYDC juga menganjurkan Kejohanan Liga Bola Sepak dan Sepak Takraw di kawasan daerah, yang memberi tumpuan kepada golongan belia dan peminat sukan di kawasan masing-masing," ucapnya yang juga Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti pada Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC 2016 Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di Gelanggang Bola Keranjang Taman Bagan di sini baru-baru ini.

Hock Seng berucap mewakili Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Hadir sama, Ketua Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang dan Pengerusi Persatuan Bola Keranjang Pulau Pinang, Ooi Koon Yoong.

Difahamkan, Pasukan Heng Enterprise muncul sebagai juara untuk kedua-dua kategori peringkat daerah, pada perlawanan berkaitan.

Untuk kategori 15-20 tahun, Heng Enterprise menewaskan pasukan Chung Ling Butterworth A, 63-44.

Untuk kategori 21-30 tahun pula, Heng Enterprise berjaya menundukkan Pasukan Taman Bagan, 60-51.

Pasukan juara dan naib juara untuk kedua-dua kategori akan mewakili Daerah SPU ke Kejohanan Bola Keranjang 2016 Peringkat Negeri, kelak.

Sebanyak 76 pasukan dari kelima-lima daerah menyertai kejohanan kali ini bagi merebut Piala PYDC, berbanding 57 pasukan pada tahun lepas.



**LIM Hock Seng menyarungkan medal kepada salah seorang pemenang Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC 2016 Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.**

## '*Climb to Change A Life*' sebagai acara tahunan rai golongan istimewa



**LEE Kah Choon (barisan depan, berbaju hijau) dan Ng Wee Kok (barisan depan, tiga dari kanan) bergambar bersama-sama wakil penaja, penganjur dan para peserta program *'Climb to Change A Life'* di sini baru-baru ini.**

**AIR PUTIH** – Kira-kira 30 kumpulan kanak-kanak istimewa meluangkan masa seharian bersama-sama ahli keluarga untuk mempelajari sambil menikmati keindahan alam semulajadi di Bukit Bendera baru-baru ini.

Penganjuran *'Climb to Change A Life'* merupakan program cabaran mendaki bagi kanak-kanak istimewa yang julung kali dianjurkan oleh Perbadanan Bukit Bendera (PHC) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *The Habitat Penang Hill* (dimiliki oleh Flagstaff Holdings Sdn. Bhd.) dan Zy Movement Foundation (ZMF) Thailand dan Malaysia.

Ahli Lembaga Pengarah PHC, Datuk Lee Kah Choon, ketika menyampaikan ucapan perasmian penutup, berhasrat untuk menjadikan penganjuran tersebut sebagai program tahunan perbadanan berkaitan.

"Program ini amat menarik apabila saya melihat kanak-kanak istimewa bersama-sama keluarga masing-masing, meluangkan masa beriadah sambil menikmati keindahan alam semulajadi yang terdapat di Bukit Bendera.

"Ia merupakan suatu pengalaman yang luar biasa," katanya yang turut menyampaikan medal dan sijil penyertaan kepada para peserta di Dataran Bukit Bendera di sini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi PHC, Dato' Ng Wee Kok; Pengarah Flagstaff Holdings Sdn. Bhd., Allen Tan; Penasihat Teknikal PHC, Saw Kean Thai serta wakil dari ZMF Thailand dan Malaysia, Walter Lee.

Terdahulu, kesemua kanak-kanak istimewa bersama-sama ahli keluarga masing-masing dibawa menaiki kereta api funikular dan melalui laluan denai sejauh 1.6 kilometer untuk ke taman-taman.

## Pewartaan UBBL tingkatkan kecekapan guna tenaga - Exco

**GEORGE TOWN** – Bangunan baharu yang bakal dibangunkan di negeri ini akan memenuhi standard kecekapan penggunaan tenaga apabila pindaan terhadap Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (UBBL) diwartakan kelak.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pindaan terhadap UBBL meliputi beberapa perkara utama, antaranya keperluan untuk mereka bentuk bangunan yang mampu mengurangkan kesan haba ke dalam bangunan.

"Pindaan terhadap UBBL dilihat selaras dengan pembangunan mampan dan lestari yang menjadi hasrat Kerajaan Negeri kini.

"Kita (Kerajaan Negeri) ingin melihat pembangunan yang bukan sahaja membawa kebaikan kepada alam sekitar, malah proses mereka bentuk sesebuah bangunan haruslah sesuai dengan iklim tropika iaitu panas dan lembap sepanjang tahun.

"Kebergantungan terhadap penggunaan elektrik yang tinggi seperti penyaman udara bagi mengurangkan haba menjadi punca kepada perubahan iklim bukan sahaja di Malaysia, malah seluruh dunia.

"Oleh itu, saya percaya dengan pindaan yang dibuat nanti, ia mampu mengurangkan masalah ini (perubahan iklim)," katanya pada Majlis Perasmian Seminar Bangunan Hijau anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tu ng Seang dan Pengerusi Panel Akreditasi Indeks Bangunan Hijau (GBI), Chan Seong Aun.

Kon Yeow dalam pada itu berharap selepas pindaan terhadap UBBL diwartakan kelak, semua pembangunan bangunan baharu di negeri ini dapat mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Berdasarkan rekod GBI, sehingga 15 April lalu, sejumlah 686 projek di seluruh negara telah didaftarkan sebagai bangunan hijau, 62 (projek) daripadanya adalah dari Pulau Pinang.

Daripada keseluruhannya (686 projek), 354 telah memperoleh pensijilan, sama ada pensijilan sementara mereka bentuk atau pensijilan akhir prestasi sebenar bangunan hijau.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| Penjamin 1 | : | NORIZAN BINTI ABU BAKAR - 68033107****<br>NO. 781 PERMATANG PAUH 13100 PENAGA,<br>SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : | KARIM BIN DALI - 69062307****<br>TS 9891 RANTAU PANJANG<br>13200 KEPALA BATAS,<br>SEBERANG PERAI UTARA |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11016 |
| Peminjam | : | ZEE YUN NEE - 88012007****<br>BLOK 5-13-12, LINTANG MACALLUM 2,<br>10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | KHOO YONG PENG - 80062207****<br>350-5-1 MACALLUM STREET<br>10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | KHOO KHER LEE - 86030335****<br>350-5-1 GAT LEBUH MACALLUM<br>10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11019 |
| Peminjam | : | TAN LEE KUN - 87090635****<br>49 JALAN JAMBU MAWAR 3,<br>TAMAN JAMBU MAWAR<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : | TAN TEE HON - 85041807****<br>49 JALAN JAMBU MAWAR 3,<br>TAMAN JAMBU MAWAR<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : | LIM HUAN DUN - 83090107****<br>20 LORONG KERJASAMA 4 ,<br>TAMAN KERJASAMA 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11023 |
| Peminjam | : | NUR SHAMIM BINTI SARUDIN - 85061207****<br>NO. 214 JALAN KEBUN SIREH<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : | FARIDAH BINTI DIN - 61051507****<br>NO. 214 KEBUN SIREH<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : | SURAYA BINTI ASHAARI - 73060807****<br>627 MUKIM 5, PERMATANG ARA,<br>13500 PERMATANG PAUH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11025 |
| Peminjam | : | ROSYULINDA BINTI YUSOFF - 76052605****<br>NO. 77 LORONG SYAHBANDAR 8, BERTAM PERDANA<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | : | AHMAD BIN ISMAIL - 56061207****<br>8 JALAN MAJU , TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM<br>13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : | SALBIAH BINTI EBIDIN - 53080807****<br>651B JALAN LEMBAH PERMAI 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11029 |
| Peminjam | : | LIM CHIANG YEONG - 89121107****<br>NO.1 MEDAN NIPAH, SUNGAI NIBONG<br>11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | LIM KEAN BAN - 66020207****<br>NO. 60-8-6 LEBUH NIPAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | LIM KEAN CHOON - 65012807****<br>NO. 1 MEDAN NIPAH, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS<br>11900 PULAU PINANG |

# Daya saing hadapi perubahan jadikan sektor E&E negeri inovatif

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS –** Pameran semikonduktor terbesar di Asia Tenggara, *SEMICON Southeast Asia 2016* selama tiga hari mulai 26 April lalu di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE) di sini menerima 6,940 perwakilan serta pengunjung berdaftar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap pameran tersebut dapat terus menjadi pemangkin pada perkembangan sektor elektrik dan elektronik (E&E) negara, khususnya di Pulau Pinang.

"Pulau Pinang menyumbang hampir 20 peratus pada keseluruhan aliran masuk pelaburan asing langsung (FDI) ke Malaysia pada tahun 2015, tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

"(Angka) ini adalah peningkatan sebanyak tujuh peratus daripada aliran masuk (FDI) pada tahun sebelumnya.

"Untuk mara ke hadapan, kita perlu berdaya saing dengan perubahan dan satu-satu cara adalah dengan menggalakkan inovasi (dalam sektor E&E)," katanya.

Ucapan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapha Mohamed disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud.

Ketua Pegawai Kewangan merangkap Naib Presiden Operasi SEMI Global SEMICON Southeast Asia 2016, Rich Salsman turut berucap pada majlis pembukaan pameran antarabangsa itu.

Guan Eng berkata, Pulau Pinang mempunyai 3T iaitu Bakat (*Talent*), Teknologi dan Toleransi dengan idea-idea baharu demi menggalakkan inovasi dalam semua sektor pelaburan di negeri ini.

Pada sidang media berasingan sebelum itu, Pengarah investPenang, Datuk Lee Kah Choon pula memberitahu sektor E&E Pulau Pinang pada tahun lepas menyumbang 65 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan ke negeri ini.

"(Pelaburan E&E Pulau Pinang) ini adalah (menyamai) lebih 50 peratus daripada jumlah pelaburan sektor (E&E) di Malaysia, dalam tempoh sama (kini).

"Walaupun kelembapan jualan (dalam sektor) semikonduktor (di peringkat) global, eksport produk semikonduktor Malaysia kekal memberangsangkan, kerana memberi tumpuan pada bidang berkaitan (Internet Untuk Segala-galanya) *Internet of Things* (IoT) serta tukaran mata wang asing menguntungkan," jelasnya yang juga Penasihat Khas Kepada Ketua Menteri sebelum ini.

Memetik laporan statistik MIDA pada tahun 2015, jumlah pelaburan dalam sektor E&E negara bagi tahun 2014 sahaja berjumlah 43.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan negara.



**KETUA Menteri diiringi Azman Mahmud (kiri) diberi penerangan di salah sebuah ruang pameran *SEMICON Southeast Asia 2016* di sini baru-baru ini.**

Eksport E&E negara pada tahun sama berjumlah RM256.1 bilion, iaitu menyumbang kira-kira 43.6 peratus daripada jumlah eksport pengilangan Malaysia.

Difahamkan, tujuan utama *SEMICON Southeast Asia 2016* dianjurkan antara lain untuk mengenalpasti corak pasaran serantau ke arah merangka solusi dalam industri semikonduktor negara, meliputi aspek mengembangkan permintaan dalam pasaran, pengkhususan produktiviti, uji teknologi serta seni reka baru produk.

# Tiada diberhentikan kerja, bukti ekonomi P. Pinang diurus baik - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS –** Kemasukkan beberapa syarikat bertaraf multinasional (MNC) ke Pulau Pinang bagi memenuhi permintaan industri kini membuktikan bahawa perkembangan ekonomi dan pelaburan negeri diurus dengan baik serta berkembang pesat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kemasukkan lebih 300 syarikat bertaraf MNC termasuk beberapa syarikat *'top-notch'* (hebat) membuktikan bahawa pengurusan ekonomi Pulau Pinang berada di landasan yang betul.

Menurutnya, industri elektrik & elektronik (E&E) yang menjadi sektor utama dalam sektor perkilangan dan pembuatan di Pulau Pinang sudah menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menyediakan bukan sahaja tenaga kerja mahir, tetapi juga peluang untuk berkembang secara berterusan.

"Ekosistem perindustrian Pulau Pinang yang 'kaya' dengan tenaga kerja mahir berbilang bangsa dan berpengetahuan tinggi menjadi salah satu kekuatan buat negeri ini.

"Di samping itu, kita (Pulau Pinang) turut menawarkan perlindungan di bawah undang-undang harta intelek, tadbir urus yang baik dan kepimpinan bersih sekaligus menjadi formula kejayaan unggul.

"Malah, di Pulau Pinang, tiada cadangan untuk mengurangkan pekerja kilang mahupun diberhentikan sungguhpun terdapat beberapa syarikat yang melakukan penstrukturan semula.

"Terima kasih kepada MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) dan juga MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) kerana membantu membangunkan ekonomi Pulau Pinang terutamanya dalam ketidaktentuan ekonomi global kini," ucapnya pada upacara memperkenalkan jenama baru TF-AMD di Fasa 3, Kawasan Perindustrian Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

TF-AMD Sdn. Bhd. merupakan syarikat usahasama antara *Tong Fu Microelectronics* (TFME) dan *Advanced Micro Devices* (AMD) dalam menyediakan pemasangan, ujian, tanda dan perkhidmatan pek untuk pelanggan.

Penstrukturan semula dan penjenamaan baru tersebut membolehkan TFME memegang kepentingan saham sebanyak 85 peratus manakala baki kepentingan 15 peratus dipegang oleh AMD.

Turut hadir, pada upacara itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan; Ketua Pegawai Eksekutif AMD, Dr. Lisa Su dan Pengerusi TFME, Shi MingDa.

AMD merupakan salah satu daripada lapan perintis syarikat elektronik yang ditubuhkan di Bayan Lepas sejak tahun 1972.



**RUPA bentuk bangunan TF-AMD di Fasa 3, Kawasan Perindustrian Bayan Lepas di sini.**





Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.

Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan Khairul Nizam Mat Taib (penternakan ayam piru, Daerah Seberang Perai Utara, SPU).

Daftarlah sekarang!!

# Hentikan Pencemaran di Punca Untuk Sungai Pinang Yang Lebih Sihat dan Bersih

Oleh : **LAI CHEE HUI & HOO HUEY CHING**
**Penang Green Council**
Gambar : **WATER WATCH PENANG**




**PARA pelajar dan guru daripada SMK Jelutong merakam gambar kenang-kenangan bersama-sama fasilitator dari WWP, PGC, dan sukarelawan USM .**

**SUNGAI** berfungsi sebagai sumber air utama di Malaysia. Walau bagaimanapun, kebanyakan sungai di Malaysia telah tercemar kerana proses pembandaran yang pesat. Sungai Pinang terletak di Daerah Timur Laut dan merupakan salah satu sungai yang tercemar di Pulau Pinang. Walaupun panjang sungai ini hanya kira-kira 3.1 km, ia dipenuhi oleh sampah sarap yang akibat aktiviti manusia di sekitar sungai. Merujuk kepada satu berita yang diterbitkan, pada tahun 2015 sampah yang dikutip dari Sungai Pinang telah meningkat tiga kali ganda sejak 2013 (Rujukan: The Sun Daily, 2015).

Kerja-kerja pemulihan telah dijalankan di Sungai Pinang, termasuk teknologi rawatan air telah mempertingkatkan kualiti air sungai dari Kelas IV (kotor) kepada Kelas II B (air sungai yang sesuai untuk sentuhan badan). Namun begitu, usaha pendidikan harus diteruskan supaya orang awam dan penduduk tempatan tidak membuang sampah ke dalam Sungai Pinang. Penduduk Pulau Pinang perlu dididik tentang cara-cara pengurusan sisa yang lebih baik dan juga kepentingan pemuliharaan sungai untuk memastikan Sungai Pinang menjadi lebih bersih pada masa yang akan datang.

Pada 16hb April 2016, satu program pendidikan alam sekitar yang bernama "Program Kesedaran Pendidikan Sungai" telah dianjurkan oleh Persatuan Pengamatan Air Pulau Pinang (*Water Watch Penang, WWP*) dengan sokongan daripada *Penang Green Council* (PGC). Program ini ditaja oleh *Eco-Peace Leardership Center* (sebuah organisasi Korea yang bertujuan untuk mengwujudkan masyarakat yang bereokolgi aman di negara Asia-Pasifik). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan generasi muda terhadap isu pencemaran Sungai Pinang dan kepentingan untuk membersihkan sungai.

Seramai 33 orang pelajar yang berumur 16-17 tahun dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong (SMK Jelutong) dan 22 orang pelajar universiti dari Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyertai program ini. Program ini bermula dengan pembentangan oleh wakil WWP untuk memaklumkan para peserta tentang isu-isu pencemaran Sungai Pinang dan peranan generasi muda dalam pemuliharaan sungai. Selepas itu, semua peserta bertolak ke Jalan Patani untuk aktiviti pembersihan di tebing Sungai Pinang dan diikuti dengan analisis sisa untuk mengenalpasti jenis sisa yang dikutip. Aktiviti pengasingan sisa telah diketuai oleh kakitangan PGC dengan mengasingkan sampah yang dikumpul kepada dua aliran, iaitu sisa yang boleh dikitar semula dan sisa yang tidak boleh dikitar semula. Hasil analisis menunjuk bahawa 1856 keping sampah (88 %) daripda 2087 keping sampah yang dikutip di sepanjang Sungai Pinang adalah sisa yang boleh dikitar semula (Sumber: Persatuan Pengamatan Air Pulau Pinang). Kebanyakan sisa yang boleh dikitar semula ialah sisa plastik, kertas, dan getah.

Program ini diikuti dengan bengkel *"Consumerism Thinking Cap"* yang dijalankan oleh staf PGC. Bengkel ini menyediakan satu plaform untuk para perseta yang merangsangkanpemikiran kritikal terhadap penghasilan sisa domestik harian. Setiap orang merupakan pengguna dan tingkah laku pengguna memberi kesan yang ketara kepada jumlah sisa yang dihasil dan dihantar ke tapak pelupusan. Para peserta telah diberi beberapa kajian kes kreatif untuk mengkaji semula tabiat membeli-belah dari segi pertimbangan "keperluan" dan "kemahuan". Bengkel ini turut menekankan kepentingan pengurusan sisa yang cekap terhadap persekitaran air dan elakkan pembaziran sumber.

Kesimpulannya, pengurusan sisa yang kurang cekap merupakan salah satu faktor penting yang menimbulkan masalah pencemeran Sungai Pinang. Para peserta program ini diharapkan supaya meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka terhadap pemuliharaan sungai dan pengurusan sisa. Dalam usaha untuk menangani isu-isu pencemaran Sungai Pinang, generasi muda yang mewakili masa depan memainkan peranan yang amat penting. Generasi muda perlu lebih aktif dan komit dalam usahah pemuliharaan sungai demi Pulau Pinang yang lebih hijau dan bersih.





**PARA peserta mengasingkan sisa baki yang merupakan sisa paling banyak dikutip dalam program ini.**




**PESERTA dibahagikan kepada kumpulan bagi memudahkan kutipan sisa kitar semula dijalankan.**




# Exco harap *roadshow* MSNPP berjaya cungkil bakat baru

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**SEBERANG JAYA** – Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) selama dua hari mulai 23 April lalu menganjurkan Pameran Terbuka Arena Sukan di sebuah pusat membeli belah terkemuka di sini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng semasa berucap melahirkan harapan supaya aktiviti sebegitu berjaya menarik lebih ramai golongan belia dan kanak-kanak untuk menceburi sukan yang mereka minati.

"Saya berharap agar usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap sukan-sukan ini dapat menarik minat lebih ramai orang muda untuk menceburkan diri," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu, minat sahaja adalah tidak memadai melainkan perlu mempunyai kegigihan serta disiplin yang tinggi untuk memburu kejuaraan.

Dalam pada itu, beliau turut memuji Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicol Ann David dan jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei, sebagai anak kelahiran Pulau Pinang, kerana berjaya mengharumkan nama Malaysia di arena antarabangsa.

"Anda mampu menjadikan sukan sebuah kerjaya yang berjaya seperti Datuk Lee Chong Wei (Chong Wei) dan Datuk Nicol Ann David (Nicol).

"Kemahuan untuk mencipta kejayaan tidak datang begitu sahaja, tetapi ianya datang daripada atlet sendiri yang sentiasa dahagakan kejayaan," ujarnya.

Kepada ibu bapa dan waris, tambah Chong Eng, perlu memberi sokongan moral yang tidak berbelah-bahagi demi memastikan anak masing-masing menimba ilmu serta pengalaman sampai bergelar juara dalam sukan diminati mereka.



**CHONG Eng (dua dari kiri) mendengar penjelasan daripada beberapa pegawai bertugas mengenai sukan berbasikal pada Pameran Terbuka Arena Sukan MSNPP di sini baru-baru ini.**

Sepanjang pameran terbuka tersebut, para pengunjung berpeluang menyaksikan demonstrasi sukan dan persembahan pentas termasuk wushu, gimrama, pencak silat, silambam, karate, sukan tinju, lawan pedang, *woodball*, berbasikal serta sukan-sukan berprestasi tinggi yang lain.

Pada hari tersebut, ibu bapa yang berminat mengetengahkan bakat anak-anak mereka dalam sukan tertentu boleh datang terus berjumpa dengan kakitangan dan pegawai MSNPP bertugas. Bagi yang tidak berkesempatan, boleh hubungi MSNPP di talian 04 – 660 6032 bagi keterangan lanjut.

# 12 pelumba kelahiran P. Pinang dapat insentif khas KN



**MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kiri) diiringi P. Kasthuriraani (kiri sekali) dan Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) merakamkan gambar bersama-sama kumpulan pasukan pelumba semasa berlangsungnya pusingan kedua Kejohanan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS di perkarangan Stadium Batu Kawan di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH** – Seramai 12 anak kelahiran negeri ini dipilih menerima RM5,000 insentif khas Dana Pelumba Persendirian Pulau Pinang pada pusingan kedua Kejohanan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS di perkarangan Stadium Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri didorong memberikan insentif tersebut selepas kejayaan pelumba negara, Khairul Idham Pawi menjuarai Kejohanan MotoGP Dunia dalam Kategori Moto3 pada Grand Prix Motosikal Argentina lalu.

"Sekiranya respons yang diterima adalah baik dan dapat memberikan motivasi kepada pelumba, kemungkinan Kerajaan Negeri akan meneruskan insentif ini pada masa akan datang," katanya merangkap Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat kepada pemberita.

Mohd. Rashid menyampaikan sumbangan itu kepada promoter Kejuaraan Cub Prix Malaysia, Safe Aim Mutual Sdn. Bhd. sambil disaksikan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Justeru, Mohd. Rashid turut menyeru semua pihak tampil menaja bakat baru kelahiran negeri ini supaya boleh menempa nama seperti Khairul Idham di peringkat antarabangsa.

"Memandangkan sukan ini memerlukan kos yang tinggi, saya berharap agar sumbangan ini dapat membantu pelumba persendirian yang tidak mendapat tajaan daripada mana-mana pihak," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

# KN sokong pembangunan sukan tempur - Ramasamy



**ANTARA aksi bakat muda yang sempat dirakam pada Pertandingan Taekwondo Remaja Antara Kelab Peringkat Daerah SPU bagi merebut Piala Pusingan Prof. Dr. P. Ramasamy Daerah SPU di sini baru-baru ini.**

**BERTAM** – Pertandingan Taekwondo Remaja Antara Kelab Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) yang berlangsung pada 23 dan 24 April lalu menerima sumbangan langsung sebanyak RM2,000 daripada Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Ramasamy semasa majlis perasmian penutup kejohanan tersebut berkata, sumbangan itu adalah sebagai simbol Kerajaan Negeri menyokong pembangunan sukan tempur Taekwondo di Pulau Pinang.

"Ini, penting bagi memastikan negeri Pulau Pinang khususnya dan amnya bagi Malaysia (supaya) tidak ketandusan atlet dalam sukan tempur Taekwondo ini.

"Selain itu, Taekwondo mampu menjadi medium pertahanan diri terbaik bagi situasi-situasi yang tidak terduga dan kecemasan sekiranya diancam dengan jenayah," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Taekwondo Negeri Pulau Pinang, Mohamed Sabib Abdullah, Penasihat Kelab Taekwondo SPU, Danial Abdullah serta Pengurus Rangkaian Mydin Zon Utara, Azmin Suduruddin.

Difahamkan, penganjuran sukan kali ini bersempena Ulang Tahun Ke-25 Persatuan Taekwondo SPU.

Empat kategori dipertandingkan, iaitu tujuh hingga sembilan tahun, 10 hingga 12 tahun, 13 hingga 14 tahun dan 15 hingga 17 tahun.

Seramai 340 remaja dari negeri ini, Perlis, Kedah dan utara Parak menyertai kejohanan tersebut bagi merebut Piala Pusingan Prof. Dr. P. Ramasamy.

PERADUAN

# KUMPUL & MENANG!

## Buletin Mutiara

Soalan Siri Keempat (16-31 Mei 2016)

- Berikan jawapan tepat.
- Isi maklumat yang diperlukan.
- Kirim ke alamat yang tertera.

**REBUT RM1,000**

**Syarat Penyertaan:**

- Terbuka kepada semua pembaca Buletin Mutiara.
- Setiap penyertaan wajib menggunakan borang asal. Salinan fotostat adalah tidak diterima.
- Kumpulkan 5 soalan bersiri (5 edisi terbitan Buletin Mutiara bermula edisi 1-15 April 2016) dan hantar selewat-lewatnya sebelum 30 Jun 2016.
- Hanya seorang pemenang akan dipilih berdasarkan jawapan yang paling tepat.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5256 / 650 5375 / 650 5704.
- Alamatkan semua borang penyertaan kepada:

Peraduan Kumpul Buletin & Menang,
Buletin Mutiara, Tingkat 47,
Komtar, 10503 Pulau Pinang.

1. Berapakah petak parkir orang kurang upaya (OKU) milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan kompaun yang bakal dikenakan terhadap pengguna kenderaan yang menyalahgunakan kemudahan berkaitan?

______________________________

2. Bilakah Muzium Kebudayaan Komik Asia dirasmikan dan di manakah lokasinya?

______________________________

Soalan Siri Keempat (16-31 Mei 2016)

Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________________

Alamat: ______________________________

______________________________

No. Telefon : (Rumah) ______________ (Bimbit) : ______________

Emel: ______________________________

**Pastikan butiran berikut diisi lengkap*




Oleh: **ME**

**Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0**

# DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA




Sila isi butiran berikut:

Nama : ..................................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..................................................

Alamat: ..................................................

..................................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..................................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 April 2016** hingga **14 Jun 2016.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM300**
**Kedua: RM200**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**

Anjuran bersama:

PENANG GREEN COUNCIL

# MBPP perkenalkan Kod QR Januari 2017

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal melakukan penambahbaikan dalam penyampaian mutu pengurusan pelesenan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dengan memperkenalkan Kod Respons Pantas atau singkatannya Kod QR pada Januari 2017.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP, Ong Ah Teong berkata, pelaksanaan Kod QR akan melibatkan 16,000 premis perniagaan di bahagian pulau, antaranya restoran, kedai kopi, bar dan kedai makanan yang tergolong di bawah Trade, Industry, Establishment Makanan (TIEM).

"Penggunaan inovasi Kod QR pada lesen dan pelekat penjaja mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti teks numismatik, tera air *(watermark)*, teks mikro, anti-ciplak dan kod bar mengikut spesifikasi oleh SIRIM (Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia).

"Dengan adanya ciri-ciri keselamatan tersebut, ia akan menghalang perniagaan haram beroperasi dengan menggunakan lesen yang dipalsukan," ujarnya kepada pemberita selepas Mesyuarat Biasa Majlis yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, dengan menggunakan inovasi berkenaan, Pegawai Penguatkuasa MBPP boleh mendapatkan maklumat terperinci berhubung premis perniagaan hanya dengan mengimbas mesin khas pada Kod QR berkenaan.

"Selain itu, secara tidak langsung, MBPP turut boleh mengesan sekiranya terdapat Pegawai Penguatkuasa MBPP yang tidak menjalankan tugas kerana setiap kod yang diimbas akan direkodkan secara atas talian terus ke sistem kami (MBPP).

"MBPP juga bercadang untuk memperluaskan penggunaan Kod QR bagi permohonan permit untuk papan iklan, sepanduk, bendera dan mesin perjudian," ujar beliau.



ONG Ah Teong menunjukkan sampel Kod QR yang bakal diaplikasikan oleh MBPP mulai Januari 2017.

## Pembantu Penguatkuasa dilatih bagi kenalpasti pelekat khas OKU

**GEORGE TOWN –** Mulai Mei 2016, umum yang didapati memarkir kenderaan di petak parkir khas orang kurang upaya (OKU) tanpa mempunyai pelekat OKU sah daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negara atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bakal berdepan tindakan kompaun.



CHRIS Lee Chun Kit.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit berkata, bagi pemandu OKU, pihak berkaitan dinasihat supaya meletakkan kad OKU dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di atas papan pemuka atau *'dashboard'* kenderaan sekiranya masih belum mempunyai pelekat khas tersebut.

"Hanya kenderaan yang mempunyai pelekat OKU dikeluarkan PBT dan JPJ sahaja dibenarkan memarkir kenderaan di 53 petak parkir OKU yang disediakan di seluruh pulau negeri ini," ujarnya ketika membentangkan ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Difahamkan, sehingga 18 April lalu, sejumlah 689 pelekat kereta OKU telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, 152 dikeluarkan untuk pemandu OKU, manakala penjaga (537).

Tambah Chun Kit, perkara tersebut dianggap serius ekoran terdapat banyak pemilik kenderaan yang menyalahgunakan pelekat berkenaan dengan membelinya di pasaran terbuka untuk kepentingan sendiri.

"Pihak MBPP terpaksa bertindak tegas kerana terdapat individu yang tidak bertanggungjawab dan menyalahgunakan kemudahan yang dikhaskan untuk golongan OKU.

"Justeru, Pembantu Penguatkuasa akan dilatih bagi mengenalpasti pelekat sah yang dikeluarkan oleh PBT serta mempunyai logo PBT bagi mengatasi perilaku salah guna kemudahan OKU.

"Sekiranya bersabit kesalahan, kompaun sebanyak RM100 akan dikenakan," ujar beliau.

## Pertandingan memasak MBPP & NGO galak interaksi warga bandaraya



DUA peserta cilik menunjukkan bakat memasak dalam Pertandingan Memasak Dalam Taman 2016 di sini baru-baru ini.

**KEBUN BUNGA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini menganjurkan Pertandingan Memasak Dalam Taman 2016 dengan kerjasama Persatuan Jurumasak Pulau Pinang

Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha berkata, pihaknya akan menganjurkan lebih banyak program berkonsep interaktif sebegitu pada masa hadapan demi menggalakkan partisipasi daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam.

"Pertandingan Memasak Dalam Taman 2016 disertai 36 peserta.

"Pihak NGO sentiasa bekerjasama dengan MBPP dalam mengaktifkan program-program dalam taman seperti senamrobik, zumba, mendaki, taichi, memanah dan sebagainya.

"Selain itu, pertandingan ini juga dapat memberi peluang kepada para peserta menunjukkan bakat serta kemahiran memasak, selain mewujudkan masyarakat penyayang yang saling tolong-menolong dan menyemai semangat kekeluargaan," katanya pada Majlis Perasmian Pertandingan Memasak Dalam Taman 2016 di sini baru-baru ini.

Mohamed Akbar berucap mewakili Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, D.R. Kala, Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin dan Presiden Persatuan Jurumasak Pulau Pinang, Audee Cheah.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan pada penganjuran kali ini, iaitu Terbuka, Pelajar dan Institut Pengajian Tinggi.

Sean Cheah Nan Lin dan Kok Beng Wei memenangi Kategori Pelajar, manakala Lee Lip Jian dan Jefri Koga menjuarai Kategori Pelajar.

Tay Poay Suan dan Cheah Nan Ern pula memenangi Kategori Terbuka.

Untuk semua kategori, johan, naib juara dan tempat ketiga masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM300, RM200 dan RM150, berserta penajaan dari syarikat Petroleum Nasional (PETRONAS).

# Projek penarafan berita gembira kepada penduduk – Ahli Majlis

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menaik taraf perumahan awam miliknya meliputi Blok L, M dan N Taman Free School dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat di sini.

Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, projek penarafan itu antaranya menukar tandas cangkung kepada tandas duduk serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di bahagian dalam dan luar lif ketiga-tiga blok tersebut.

"Sejak tahun 2014 juga, MBPP sudah banyak melakukan kerja naiktaraf seperti menambah pintu lif bagi tingkat satu, dua, empat, enam, lapan dan sembilan, jadi, kini lif sudah boleh berhenti di semua tingkat.

"Naik taraf lain yang sudah dijalankan pada tempoh sama, termasuklah menggantikan pam motor bagi meminimakan kes ketiadaan air serta menggantikan bumbung premis-premis di tingkat atas yang mengalami kebocoran.

"Projek penarafan terbaru ini sekaligus adalah suatu berita gembira kepada semua penduduk di KADUN yang diwakili YB Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan)," katanya kepada pemberita selepas melawat Blok N di sini baru-baru ini.

Tambah Soon Siang, MBPP turut merancang untuk mengecat semula ketiga-tiga blok berkenaan serta melakukan kerja pembaikan lain pada tahun hadapan.

Itu, jelas beliau, termasuk menyediakan penempatan khusus untuk orang kurang upaya (OKU) dan warga emas terpilih.

"MBPP juga mempunyai cadangan untuk menyediakan Blok N khusus untuk disewakan kepada warga emas dan tingkat bawah dijadikan unit mesra OKU seperti mana yang sedang dilaksanakan di unit-unit tingkat bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Soon Siang memberitahu bahawa MBPP memandang serius beberapa kes pelanggaran syarat penyewaan, seperti tunggakan sewa, isu pembuangan sampah dari tingkat atas dan amalan parkir kenderaan di kaki lima blok.

"Sehingga 1 April lalu, jumlah tunggakan sewa di sini berjumlah RM81,235.90 dan MBPP telah beberapa kali mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas premis terlibat dan akan diteruskan lagi secara berjadual.

"Pada 26 Februari lalu, MBPP turut mengeluarkan notis amaran kepada semua penyewa bagi membersihkan barangan-barangan yang menghalang kaki lima.

"Halangan ini disifatkan sangat berbahaya jika berlaku kecemasan seperti kebakaran," tegas beliau.

Perumahan Awam MBPP didirikan pada tahun 1961, semuanya terdiri oleh 13 blok dari A hingga N (kecuali I), yang merangkumi 473 unit kediaman dan 10 kedai.



**JOSEPH Ng Soon Siang meneliti keadaan salah sebuah unit kediaman Taman Free School di sini baru-baru ini.**

## Bina pagar taman permainan patuhi standard keselamatan

Gambar : **AHLI MAJLIS**

**PANTAI JEREJAK –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan meneruskan pemasangan pagar keselamatan fasa 2 membabitkan kawasan sekitar taman permainan di Padang Awam MBPP, Jalan Pantai Jerejak 10 di sini.

Ahli Majlis MBPP, A. Kumaresan berkata, inisiatif tersebut diputuskan melalui mesyuarat MBPP setelah mengambil kira aspek-aspek keselamatan.

"Pemasangan pagar keselamatan ini perlu bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

"Apatah lagi kawasan sekitar sini selalu sesak dengan kenderaan yang lalu lintas," katanya ketika mengadakan lawatan ke tapak taman permainan tersebut di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pegawai Seranta bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Nurul Ilfiq Zulkifli serta wakil dari Jabatan Landskap MBPP.

Mengulas lanjut, Kumaresan memberitahu, pemasangan pagar tersebut juga mematuhi standard keselamatan ditetapkan sekaligus menambah baik taman permainan terbabit.

"Tahun lalu, MBPP telah memperuntukkan RM19,000 bagi pemasangan pagar keselamatan fasa 1 di taman terbabit dan berhasrat meneruskan Fasa 2 tahun ini," jelas beliau.



**A. Kumaresan (kanan sekali), Nurul Ilfiq Zulkifli (tengah) dan wakil Jabatan Landskap MBPP ketika mengadakan lawatan ke tapak di sini baru-baru ini.**

## MBPP guna pendekatan 'nasihat dahulu' elak halangan di kaki lima

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha mempergiatkan lagi kempen *'Pedestrian is King of the Road'*, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini memberi perhatian khusus serta mengenalpasti halangan-halangan di laluan yang dikhaskan untuk pejalan kaki, terutamanya kawasan kaki lima sekitar sini.

Ahli Majlis MBPP, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, pada peringkat permulaan, pihaknya akan menasihati para peniaga supaya tidak meletakkan barangan perniagaan atau sebarang halangan di atas kaki lima.

"Kita akan menggunakan pendekatan 'nasihat dahulu' para peniaga berkaitan.

"Sekiranya mereka ingkar (selepas diberi nasihat), kita (MBPP) berdasarkan Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang mana mereka yang didapati bersalah boleh ditangkap tanpa waran dan boleh dibawa ke mahkamah serta denda tidak melebihi RM500 bagi sabitan kali pertama atau RM1,000 bagi sabitan berikutnya.

"Tetapi kalau boleh, pihak MBPP tidak mahu bertindak sedemikian, cukup sekadar nasihat dan berharap pihak-pihak berkaitan tidak mengulanginya," katanya ketika mengadakan lawatan di sekitar kaki lima dekat Lebuh Chulia di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penyelidik Kajian Bandar Penang Institute (PI), Stuart MacDonald, Ahli-ahli Majlis MBPP lain seperti Dr. Lim Mah Hui, D.R. Kala, Goh Choon Keong, Mhd. Nasir Yahya dan Grace Teoh Koon Gee.

Dalam pada itu, MacDonald memberitahu, Lebuh Chulia merupakan subjek kajian yang digunakan oleh PI bagi projek berkaitan memandangkan kawasan tersebut padat serta menjadi tumpuan pelancong.

"Saya dapati kawasan ini banyak halangan yang menyukarkan pejalan kaki, terutama bagi golongan orang kurang upaya (OKU) yang berkerusi roda atau cacat penglihatan.

"Malah, ada juga halangan berupa struktur kekal seperti pagar yang didirikan oleh pemilik premis.

"Halangan ini perlu dialihkan kerana ia akan menyebabkan pejalan kaki terpaksa memintas di atas jalan raya dan bergadai nyawa," ujar beliau.

Kempen *'Pedestrian is King of the Road'* dilancarkan MBPP pada November 2015 sebagai usaha menjadikan George Town sebagai 'Bandar Raya Mesra Pejalan Kaki'.

PULAU PINANG



# ANDA BIJAK KERANA MEMBAYAR

# CUKAI TANAH LEBIH AWAL

## 2 cara memudahkan anda untuk membuat pembayaran

**1 Online**

*Portal e-Tanah atau Portal e-Bayar Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

**Portal e-Tanah**
*http://etanah.penang.gov.my*

**Portal e-Bayar**
*http://ebayar.penang.gov.my*

**2 Kaunter**

*Pilih mana-mana kaunter bayaran yang berhampiran dengan anda*



**(Denda Lewat Dikenakan Selepas 31 Mei Setiap Tahun)**

*Peringatan: Pihak Berkuasa Negeri berhak untuk merampas tanah anda sekiranya cukai tanah tidak dijelaskan. (Seksyen 97 & 100 Kanun Tanah Negara 1965)*

## Tidak menerima bil cukai tanah? Sudah pindahmilik?

**Pemilik tanah boleh membuat pengemaskinian nama, alamat surat menyurat dan maklumat lain melalui:**

**Online**
*http://ptg.penang.gov.my/ptgbil*

**Borang NA(2)**
*Borang boleh diperoleh di Kaunter Hasil Pejabat Tanah Dan Daerah atau Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang (sila bawa salinan hakmilik tanah berkaitan)*

FPX MasterCard VISA

*online payment gateway system to facilitate payment between participating financial institutions*

*Kaunter Bayaran*

**Pejabat Tanah & Daerah Seberang Perai Utara,**
Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
*Tel : 04-577 6500*
*Faks : 04-577 6666*
*http://spu.penang.gov.my*

**Pejabat Tanah & Daerah Seberang Perai Tengah,**
Jalan Betik, Sg. Rambai, 14000 Bukit Mertajam.
*Tel : 04-540 2360*
*Faks : 04-539 9549*
*http://spt.penang.gov.my*

**Pejabat Tanah & Daerah Seberang Perai Selatan,**
14200 Jawi, Pulau Pinang.
*Tel : 04-585 7800*
*Faks : 04-582 1003*
*http://sps.penang.gov.my*

**Pejabat Tanah & Daerah Daerah Timur Laut,**
Tingkat 50 & 51, 10000 Komtar, Pulau Pinang.
*Tel : 04-650 5344*
*Faks : 04-261 6137*
*http://dtl.penang.gov.my*

**Pejabat Tanah & Daerah Daerah Barat Daya,**
11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.
*Tel : 04-868 9400*
*Faks : 04-869 1171*
*http://dbd.penang.gov.my*

*Dikeluarkan oleh:*

**PEJABAT TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG**
Paras 22, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Pulau Pinang
*http://ptg.penang.gov.my* *Tel: 04- 650 5214 Fax: 04- 251 9307*



MY PENANG
MY FUTURE
STEMA
Penang Future Foundation
ANNOUNCEMENT
ONLINE APPLICATIONS FOR YEAR 2016 ARE ACCEPTED FROM
18.5.2016 - 15.6.2016
INSPIRING HOPES
PENANG FUTURE FOUNDATION is a scholarship program awarded by the Penang State Government and is open to all eligible Malaysians regardless of race, religion and gender, especially from single, low to middle-income families. Upon successful completion of studies, the sponsored scholars are required to work in Penang in organizations of their choice.
Penang Future Foundation's Selection Committee is chaired by the Right Honourable Chief Minister of Penang, YAB Tuan Lim Guan Eng. Other members of the Selection Committee are –Y. Bhg. Dato' Seri Nazir Ariff, Y. Bhg. Dato' Daisy Ooi, Mr. Koon Yew Yin, Mr. P. Ramakrishnan, Ms. Loo Lee Lian, Emeritus Professor Dr. Lim Koon Ong, Dr. Lim Kim-Hwa and Mr. Danny Goon.
BENEFITS:
COMPREHENSIVE FINANCIAL ASSISTANCE
RECOGNITION AS OUTSTANDING SCHOLAR
UNLEASH CAREER POTENTIALS
PFF scholarship is open to all eligible Malaysian students. Priority will be given to Penangites or those who have studied in Penang and students who demonstrate excellent leadership, communication skills, teamwork and or other non-academic achievements.
PENANG FUTURE FOUNDATION SCHOLARSHIP
Funds full-time undergraduate studies at public and private universities (IPTA and IPTS) in Malaysia.
SPONSORED COURSES
MQA fully accredited courses in Science, Technology, Engineering, Mathematics, Accountancy AND Finance
ELIGIBILITY
• Minimum CGPA of 3.0 from STPM, Foundation, Diploma, Matriculation, UEC or latest university result
• Malaysian 25 years old or younger
• Household income not more than RM15,000 per month
FINANCIAL ASSISTANCE
• Tuition fee (maximum @ RM100,000)
• Subsistence allowance
Scholars will be required to serve a bond period in Penang upon graduation.
ACHIEVING DREAMS
BUILDING FOUNDATION
Further details:
www.penangfuturefoundation.my
Contact us:
info@penangfuturefoundation.my

# SEGREGATE YOUR WASTE

Implementation of Waste Segregation At Source Policy begins 1st June, 2016

## SEPARATING WASTE INTO AT LEAST TWO STREAMS:



### 1. RECYCLABLES



**PAPERS**

Example :
Newspapers / Boxes / Magazines / Cardboards / Books



**PLASTIC**

Example :
Plastic Bottles / Plastic Containers / Plastic Bags / Plastic Food Containers / Plastic Buckets



**GLASS**

Example :
Ketchup Bottles / Drinking Bottles



**CAN/METAL**

Example :
Aluminium Cans / Food Cans / Iron / Metal

### 2. GENERAL WASTE






**LEFTOVERS**

Example :
Fruit Peels / Vegetables / Eggshells / Rice



**DIRTY WASTE**

Example :
Disposable Diapers / Dirty Tissues / Dirty Materials / Contaminated Papers or Boxes

### TIPS

- Please tie up your old newspapers into tidy and organised bundles
- Rinse and dry your beverage containers, plastic containers, glass containers, or aluminium cans that contain waste
- The packaging for food and beverages with the ♻ logo is recyclable
- You may also dispose your malfunctioned electrical appliances to recycling centres which collect electronic waste

HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322

PENANG GREEN COUNCIL
cleaner greener penang

**Collection Schedule for Waste Segregation**

** Every Saturday for Landed Properties. Strata premises will be decided by individual Joint Management Board/management body.*

*For more info, log on to: www.pgc.com.my/waste-segregation-at-source-campaign-and-policy*